

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI (KUDAT)

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Datuk ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo bagi Pakej 9 (Serusup Tuaran ke Pituru Kota Belud) ditender dan bila tarikh mula kerja memandangkan projek ini sudah diluluskan dalam Bajet 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1 dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 16 pakej kerja telah komited untuk dilaksanakan, termasuklah pakej kerja yang melibatkan laluan dari Serusup ke Pituru sepanjang 20 km. Merujuk kepada soalan Ahli Yang Berhormat, pakej tersebut kini di dalam fasa pra-pelaksanaan dan dijangka akan ditender pada suku tahun pertama 2022.

Sekian, terima kasih.